

11/10/1997

Rakyat pulihkan semangat PM

Azhar Abu Samah; Noor Jaafar

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sokongan padu rakyat memulihkan semangatnya untuk terus berjuang bagi memulihkan krisis kejatuhan nilai ringgit.

Perdana Menteri berkata, ketika di luar negara dan berseorangan, ramai yang menentang dan mengecam tindakan yang diambilnya berhubung perkara itu.

"Semangat yang hampir lumpuh itu kembali tegak selepas balik ke negara ini," katanya di majlis perhimpunan rakyat di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, di sini, hari ini.

Beliau juga terharu dengan sokongan kira-kira 15,000 pemimpin dan ahli Umno, parti komponen Barisan Nasional dan ketua-ketua jabatan yang menyertai perhimpunan itu.

Pelbagai kain rentang dan sepanduk dibawa orang ramai bagi menyatakan sokongan kepada Dr Mahathir, antaranya bertulis 'PM Pembela Umat Sejagat', 'Kami Berdiri Teguh Di Belakang Dr Mahathir', 'Mahathir Jangan Gentar Gugatan Barat', 'Mahathir Teruskan Peranan Wira Dunia Ketiga' dan 'Umno Terengganu Berdiri Teguh Di Belakang Perdana Menteri'.

Dr Mahathir berkata, 400 tahun negara dijajah pelbagai bangsa, termasuk Jepun, Portugis, British dan Thailand dan dalam tempoh itu rakyat begitu dihina dan dikeji.

Bagaimanapun, katanya, berkat perpaduan Malaysia berjaya membebaskan negara daripada belenggu penja-jah dan mentadbir negara ikut kehendak sendiri.

"Kira-kira 40 tahun kita bekerja keras untuk membangunkan negara termasuk terpaksa menghadapi rusuhan kaum dan penjenayah. Dengan kegigihan itu, kita dapat tebus balik maruah.

"Bermula dengan dua punca kekayaan, iaitu getah dan padi, kita berjaya menegakkan sebuah negara industri dan rakyat hidup lebih mewah, malah lebih mewah daripada negara membangun lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, dulu rakyat tidak pernah rasa kesenangan tetapi sekarang pelbagai kemudahan disediakan termasuk jalan raya dan minyak beri hasil yang banyak kepada negara termasuk Terengganu.

"Kita sentiasa bersyukur kepada Allah dengan pelbagai kurniaannya. Kita tidak pernah angkuh dan lupa dengan nikmat yang dikurniakan," katanya.

(END)